



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**PILIHAN RAYA NEGERI KE-15, NEGERI SEMBILAN:
DI SEBALIK KEBANGKITAN SOKONGAN MELAYU KEPADA
PERIKATAN NASIONAL**

*15TH STATE ELECTION, NEGERI SEMBILAN:
BEHIND THE RISE OF MALAY SUPPORT FOR PERIKATAN NASIONAL*

Mokhtar Ahmad¹, Junaidi Awang Besar^{2*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: mokhtarahmad.mba@gmail.com

² Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.01.2025

Revised date: 16.02.2025

Accepted date: 04.02.2025

Published date: 10.03.2025

To cite this document:

Ahmad, M., & Awang Besar, J. (2025). Pilihan Raya Negeri Ke-15, Negeri Sembilan: Di Sebalik Kebangkitan Sokongan Melayu Kepada Perikatan Nasional. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 160-177.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pilihan Raya Negeri (PRN) Ke-15 di Negeri Sembilan telahpun melabuhkan tirainya pada 12 Ogos 2023. Seperti dijangka, Kerajaan Perpaduan dengan kerjasama Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) telah menang dengan majoriti 2/3 iaitu 31 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. Namun begitu, prestasi calon Perikatan Nasional (PN) agak memeranjatkan kerana parti pembangkang tersebut berjaya memenangi 5 kerusi DUN iaitu 3 daripada PAS dan 2 daripada BERSATU. Lebih mengejutkan, PH kalah di kawasan yang dianggap sebagai kubu kuat mereka iaitu di kawasan DUN Paroi dan Labu manakala BN pula kalah di Gemas dan Bagan Pinang yang dianggap kubu dan kawasan selamat UMNO kerana terdapatnya undi 'fixed deposit' di kawasan tersebut iaitu undi pos daripada tentera. Di kawasan DUN Serting pula UMNO kalah tipis kepada calon PAS iaitu dengan majoriti 843 undi. Lantaran itu, artikel ini memfokuskan kepada 5 kawasan DUN yang dimenangi PN tersebut sebagai kawasan kajian. Artikel ini cuba memfokuskan kepada 3 perkara berikut. Pertama, menyelami tingkah laku pengundi 5 kawasan DUN sebelum PRN 15. Kedua, mengenal pasti prestasi parti politik yang bertanding di kawasan tersebut pada PRN-15. Ketiga, menilai isu dan faktor berlakunya perubahan tingkah laku pengundi 5 kawasan tersebut yang beralih sokongan kepada PN. Kajian ini menggunakan sumber sekunder daripada laporan SPR, buku, jurnal, makalah, laman sesawang dan akhbar atas talian sebagai data kajian. Data ini seterusnya dianalisis secara kualitatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa

pengundi Melayu luar bandar telah menolak kerjasama yang berlaku dalam Kerajaan Perpaduan antara PH dan BN. Lebih daripada itu, pengundi BN terutamanya UMNO masih ragu-ragu dan keliru dengan kerjasama yang berlaku terutamanya melibatkan DAP. Justeru, diharapkan impak penulisan artikel ini dapat memberikan gambaran baru tentang tingkah laku politik orang Melayu di luar bandar dan menambahkan lagi maklumat berkaitan perjalanan politik di Negeri Sembilan.

Kata Kunci:

Kerajaan Perpaduan, Fixed Deposit, Perikatan Nasional, DAP, Politik Orang Melayu

Abstract:

The 15th State General Election (PRN) in Negeri Sembilan has already drawn its curtain on 12 August 2023. As expected, the Unity Government with the collaboration of Pakatan Harapan (PH) and Barisan Nasional (BN) has won with a 2/3 majority, namely 31 State Legislative Assembly (DUN) seats out of the 36 DUN seats contested. However, the performance of the Perikatan Nasional (PN) candidate was quite surprising because the opposition party managed to win 5 DUN seats, namely 3 from PAS and 2 from BERSATU. More surprisingly, PH lost in areas considered to be their strongholds, namely in the Paroi and Labu DUN constituencies, while BN lost in Gemas and Bagan Pinang, which are considered UMNO strongholds and safe areas because of the presence of 'fixed deposit' votes in those areas, namely postal votes from the military. In the Serting DUN constituency, UMNO narrowly lost to the PAS candidate, namely with a majority of 843 votes. Therefore, this article focuses on the 5 DUN constituencies won by PN as the study area. This article tries to focus on the following 3 things. First, to delve into the behavior of voters in 5 DUN constituencies before the 15th PRN. Second, to identify the performance of political parties contesting in those constituencies in the 15th PRN. Third, to assess the issues and factors that led to the change in behavior of voters in those 5 constituencies who switched support to PN. This study uses secondary sources from EC reports, books, journals, papers, websites and online newspapers as study data. This data is then analyzed qualitatively. The results of the study show that rural Malay voters have rejected the cooperation that occurred in the Unity Government between PH and BN. More than that, BN voters, especially UMNO, are still skeptical and confused about the cooperation that occurred, especially involving DAP. Therefore, it is hoped that the impact of writing this article can provide a new picture of the political behavior of Malays in rural areas and add more information related to the political journey in Negeri Sembilan.

Keywords:

Unity Government, Fixed Deposit, Perikatan Nasional, DAP, Malay Politics

Pengenalan

Kerjasama antara PH dan BN dalam menghadapi PRN-15 di Negeri Sembilan yang berjalan pada 12 Ogos 2023 telah memberikan kemenangan majoriti 2/3 apabila gabungan 2 parti tersebut memenangi 31 kerusi DUN daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. BN UMNO menang 14 kerusi DUN dan PH menang 17 kerusi DUN menerusi 11 calon DAP, 5 calon PKR dan 1 daripada calon AMANAH. Kemenangan ini dianggap selesai buat gabungan

PH dan BN dengan Aminuddin Harun telah dilantik semula sebagai Menteri Besar buat penggal kedua. Bagi menterjemahkan kerjasama yang berlaku dalam pilihan raya tersebut, Pengerusi BN Negeri, Jalaluddin Alias telah dilantik sebagai EXCO kanan termasuk 3 EXCO lain daripada UMNO iaitu ADUN Palong, ADUN Senaling dan ADUN Linggi. PKR pula telah diwakili oleh ADUN Ampangan dan ADUN Pilah sebagai sebagai EXCO manakala DAP mengekalkan ADUN Nilai, ADUN Repah, ADUN Bukit Kepayang sebagai EXCO. ADUN AMANAH yang hanya diwakili oleh ADUN Klawang tidak diberikan sebarang jawatan dengan anggapan bahawa kerusi Speaker telah diberikan kepada wakil AMANAH iaitu Pengerusi Negeri Sembilan sendiri iaitu M. K. Ibrahim.

Di sebalik keputusan PRN-15 tersebut, kemenangan 5 calon Perikatan Nasional (PN) juga dianggap satu keputusan luar jangka dan agak memeranjatkan. Ini kerana calon PN menang di kerusi DUN Labu dan kerusi DUN Gemas melalui BERSATU dengan majoriti undi sebanyak 1,640 dan 3,210. PAS pula rakan gabungan PN menang di kerusi DUN Serting, Bagan Pinang dan Paroi dengan majoriti undi sebanyak 843, 3,426 dan 5,539. Keputusan ini agak memeranjatkan kerana kerusi DUN Paroi dan kerusi DUN Labu dianggap sebagai kubu kuat kepada PH. Begitu juga dengan kerusi DUN Gemas dan DUN Bagan Pinang yang dianggap kubu kuat kepada UMNO sejak sekian lama. Serting yang dianggap kubu kuat UMNO kerana terdapatnya banyak kawasan FELDA juga tewas dengan majoriti 843 undi berbanding menang sebelumnya dengan majoriti 3,768 undi. ADUN Labu, Anip Abu Bakar telah dilantik sebagai Ketua Pembangkang di DUN Negeri Sembilan selain dilantik sebagai Pengerusi PN Negeri Sembilan. Justeru itu, artikel ini akan mengupas dan menyelami tingkah laku pengundi, keputusan pilihan raya PRN-15 dan prestasi parti dan akhirnya faktor berlakunya perubahan tingkah laku pengundi 5 kawasan DUN tersebut yang beralih sokongan kepada Perikatan Nasional (PN).

Tinjauan Literatur

Politik Pilihan Raya Luar Negara

Evans et al. (2017) dalam kajian yang bertajuk 'Candidate Localness and Voter Choice in the 2015 General Election in England' menunjukkan hubungan yang signifikan antara tempat tinggal pengundi dengan calon yang bertanding. Hasil kajian ini menunjukkan perbezaan tempat tinggal pengundi dan juga calon mempengaruhi jumlah undian dalam pilihan raya umum UK 2015. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada parti, malah turut memberi kesan kepada jumlah undian. Hal ini kerana calon yang tinggal di kawasan yang tidak bertanding berkemungkinan memperoleh undian yang lebih rendah berbanding dengan calon yang tinggal di kawasan sekitar atau di kawasan itu sendiri. Meesuwan (2016) dalam artikelnya yang bertajuk 'The Effect of Internet Use on Political Participation: Could the Internet Increase Political Participation in Thailand?' telah mengkaji tentang perkaitan antara internet dengan partisipasi politik di Thailand. Dalam artikel penulisan beliau, ia telah menyatakan bahawa parti politik yang terlibat akan bergiat secara aktif dalam berkempen menerusi 'online' kerana ia dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk berkempen berbanding dengan tahun sebelum ini. Hasil analisis dalam penulisan artikel ini, ia telah membuktikan bahawa parti politik yang aktif dalam media sosial lebih dikenali ramai, lebih mendapat perhatian dan mempunyai pengaruh yang ramai serta maklumat yang disampaikan kepada golongan pengundi lebih berkesan dan cepat. Jelaslah bahawa, politik atau berkempen secara online ini dapat mengukuhkan lagi sistem demokrasi di Thailand.

Politik Pilihan Raya di Malaysia

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) dalam kertas kerja yang bertajuk ‘Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia’ menghuraikan bahawa tekad untuk jatuhkan BN, faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, kerosakan imej atau personaliti/peribadi pemimpin dan parti, kesepaduan Pakatan Harapan, peranan media sosial, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini.

Rosmadi, Mohd Muslim & Muhammad Fathi (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14’ menjelaskan bahawa antara cabaran Kerajaan PH selepas menguasai Putrajaya ialah program pemulihan ekonomi negara dan mendapat sokongan daripada pengundi Melayu yang majoritinya menyokong BN dan PAS. Junaidi et al. (2020) dalam artikel jurnal yang bertajuk ‘Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar’ menjelaskan dalam PRU 2018, hampir kesemua kawasan bandar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan sebahagian kecil dimenangi oleh PAS iaitu di kawasan bandar di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kawasan luar bandar pula, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah.

Ismail (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “The Role of Social Media on Political Voting Behaviour in 14th General Election” menjelaskan bahawa media sosial merupakan medium yang mudah mempengaruhi persepsi dan sokongan politik pengundi kerana isu yang disampaikan melalui media tersebut sangat senang difahami, cepat dan dapat mempengaruhi perasaan pengundi yang melayari media tersebut. Junaidi, Mohd Fuad & Nur Azuki (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Pasca PRU-14: Dinamika Politik Menuju PRU-15’ untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik, tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik, berseni, berstrategi, tiada yang mustahil bahkan boleh berubah dengan mengejut.

Nur Ellyanis, Mohd Fuad & Junaidi (2022) dalam Bab dalam buku yang bertajuk “Jati Diri dan Pola Pengundian Belia Melayu dalam PRU 14” menyatakan bahawa PRU-14 telah membuktikan bahawa suara generasi belia amat penting dalam pembangunan politik di Malaysia. Mohd Azhar & Kassim (2022) dalam artikel akhbar yang bertajuk ‘Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional’ menyatakan bahawa naratif kaum dan agama masih relevan serta menjadi senjata utama untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda.

Malike & Abdul Salim (2022) dalam buku yang bertajuk ‘Politik Melayu: Penentu Kelangsungan Kuasa Barisan Nasional’ menjelaskan bahawa antara faktor kekalahan BN dalam PRU-14 adalah kerana kepimpinan BN mengenyahkan pandangan golongan muda Melayu yang inginkan imej kepimpinan yang bersih tanpa sebarang skandal terutamanya yang berkaitan dengan kewangan negara. Norazlan Hadi (2022) dalam bab dalam buku yang bertajuk ‘Gerakan Islam dan Demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan Kerjasama’ menjelaskan bahawa parti politik dan NGO Islam telah lama bertapak di Malaysia dengan pendekatan masing-masing serta mengalami konflik kepimpinan, teruji dan menghasilkan

dinamika pemikiran Islam konservatif dan progresif yang tersendiri. Mohd Noor (2023) dalam makalah yang bertajuk “Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15” menjelaskan bahawa tiada yang mustahil dalam politik, bagaimana PH boleh bekerjasama dengan BN dan UMNO boleh bekerjasama dengan DAP dan Anwar.

Junaidi (2023) menjelaskan bahawa antara faktor sokongan pengundi kepada PN adalah tagline PN iaitu ‘BEST’ iaitu Bersih dan Stabil disukai golongan muda dan pengundi Melayu; jentera kempen PN yang mantap, agresif, berpengetahuan, berpengalaman dan bersungguh-sungguh; PN sebagai ganti/platform alternatif/pilihan untuk mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam berbanding UMNO yang bermasalah dari segi kepimpinan dan arah perjuangan nasib Melayu-Islam dan PH yang dianggap liberal; undi protes, sabotaj, belot, tikam belakang, tidak puas hati dan cah keting daripada ahli/pengundi parti lawan disebabkan faktor calon dan faktor kepimpinan parti lawan. Junaidi et al. (2023) menjelaskan bahawa keputusan PRN 6 Negeri 2023 yang lalu memberi satu dimensi yang sangat jelas mengenai situasi terkini dalam perkembangan sosio-politik Malaysia iaitu “pengukuhan gelombang merah” dan kemunculan “gelombang hijau” kesan daripada kemerosotan hegemoni-UMNO dalam kalangan bukan sahaja pengundi Melayu tetapi juga ahli UMNO itu sendiri.

Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk “PAS Lencongkan Undi Anak Muda” menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui kempen yang berkesan dan *influencer* yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi. Mohd Mahadee, Zatul Himmah & Mohd Sobhi (2023) menjelaskan bahawa pola sokongan politik pengundi baharu dalam PRU-15 kepada sesebuah kerjasama politik tidak bersifat mutlak, akan sentiasa berubah dan kebanyakan mereka lebih cenderung untuk kekal sebagai pengundi atas pagar.

Politik Pilihan raya di Negeri Sembilan

Junaidi, Mokhtar Jaafar & Mokhtar Ahmad (2020) menyatakan bahawa analisis pola pengundian PRU-14 di Negeri Sembilan mengikut etnisiti calon menunjukkan sokongan terhadap calon etnik Melayu lebih tinggi kepada calon BN iaitu lebih kurang 48 peratus. Calon etnik Melayu daripada PH mendapat sokongan pengundi lebih kurang 42 peratus. Mokhtar, Junaidi & Mohd Fuad (2024) menyatakan bahawa keputusan pilihan raya PRU-14 DUN Labu, Negeri Sembilan, telah memberi satu gambaran jelas tentang dinamikanya tingkah laku pengundi yang boleh disebabkan oleh isu dan faktor yang mempengaruhi keputusan pengundian. Malah hasil kajian ini sangat berguna untuk dipakai calon, parti atau pemerintah agar terus menjalankan tanggungjawab, janji dan harapan rakyat dan pengundi agar terus kekal dan relevan selain cakna dengan penggunaan media sosial yang boleh dijadikan ‘tentera maya’ tanpa upah.

Siti Sarah Syazwani & Junaidi (2024) telah membuat kesimpulan bahawa perubahan atau dinamika politik pilihan raya yang berlaku di kawasan DUN Paroi, Negeri Sembilan dapat dilihat melalui tingkah laku pengundi mengundi calon mereka berdasarkan isu semasa dan sentimen yang berlaku di senario politik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden cakna

dan mengetahui isu yang sedang berlaku menerusi media seperti media online, mediaelektronik dan sebagainya.

Mokhtar & Junaidi (2024) menegaskan bahawa pengundi di Negeri Sembilan memberi penekanan kepada isu tempatan dan mengharapkan calon yang terpilih dapat memenuhi janji mereka. Ini menunjukkan bahawa dalam proses politik pilihan raya, interaksi yang berlaku antara masyarakat, media dan calon sangat memainkan peranan yang agak besar dalam membentuk pandangan dan menentukan keputusan pengundi dalam sesuatu pilihan raya.

Metodologi dan Kawasan Kajian

Metod Kajian

Bagi metod kajian, penulisan artikel ini menggunakan pendekatan penghuraian maklumat kualitatif daripada sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku akademik dan kertas persidangan berdasarkan tema PRU-15 di Malaysia yang kemudiannya dianalisis berdasarkan faktor dan pola pengundian. Data sekunder dirujuk untuk memantapkan lagi artikel ini dalam konteks ilmiah. Data sekunder merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan kepustakaan. Segala kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi mendapatkan maklumat tambahan secara atas talian seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal. Analisis data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data kuantitatif iaitu data keputusan pilihan raya umum serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Kawasan DUN Majoriti Melayu di Negeri Sembilan Dalam PRN-15 dan Sejarah Pilihan Raya

Sejarah keputusan PRU bagi 5 penggal terakhir bagi DUN kajian menyaksikan bahawa kerusi-kerusi tersebut dimiliki oleh parti pemerintah BN/UMNO sehinggalah mula dirampas seawal 2008 melalui calon PAS di DUN Paroi dan seterusnya oleh PKR dan AMANAH pada 2018 di kerusi Labu dan Paroi. Pada 2008, PAS dan PKR berada dalam gabungan Pakatan Rakyat (PR) manakala pada 2018, PAS telah diganti dengan AMANAH dalam gabungan yang dipanggil Pakatan Harapan (PH). PAS pula telah bersama Gerakan membentuk Gagasan Sejahtera. Bagaimanapun, apabila PH/BN bergabung pada PRN-15, semua kerusi DUN kajian telah terlepas kepada pakatan baru iaitu Perikatan Nasional (PN) dengan 3 DUN dimenangi wakil PAS dan 2 DUN dimenangi wakil BERSATU. Jadual 1 menunjukkan keputusan pilihan raya DUN kajian bermula 1999 hingga 2023 di Negeri Sembilan.

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya DUN Kajian Bermula 1999 Hingga 2023 Di Negeri Sembilan

DUN	1999	2004	2008	2013	2018	2023
Gemas	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	BERSATU
Serting	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	PAS
Bagan Pinang	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	PAS
Labu	UMNO	UMNO	UMNO	UMNO	PKR	BERSATU
Paroi	UMNO	UMNO	PAS	UMNO	AMANA H	PAS

Sumber: Ubahsuai SPR 1999, 2004, 2008, 2013, 2018, 2023

Dalam PRN-15 yang telah diadakan pada 12 Ogos 2023 itu juga, daripada 23 kawasan majoriti pengundi Melayu, PH/BN telah memenangi jumlah kerusi DUN sebanyak 18 kerusi berbanding PN telah memenangi 5 kerusi DUN. Bagi PH, mereka telah memenangi sejumlah 4 kerusi melalui 3 calon PKR dan seorang calon AMANAH, berbanding BN melalui calon UMNO sebanyak 14 kerusi DUN. PN pula memenangi 5 kerusi DUN melalui 3 calon PAS dan 2 calon BERSATU. Jadual 2 dibawah adalah keputusan PRU-15 bagi 23 kawasan majoriti pengundi Melayu di Negeri Sembilan.

Jadual 2: Keputusan PRU-15 bagi 23 Kawasan Majoriti Pengundi Melayu di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Pengundi Melayu %	Parti Menang	Majoriti
1	Pertang	70.9	BN	2,790
2	Sungai Lui	84.7	BN	535
3	Klawang	67.5	PH	577
4	Serting	79.4	PN	843
5	Palong	93.1	BN	564
6	Jeram Padang	56.8	BN	693
7	Lenggeng	79.4	BN	685
8	Sikamat	72.8	PH	2,662
9	Ampangan	76.5	PH	329
10	Juasseh	82.5	BN	78
11	Seri Menanti	96.1	BN	370
12	Senaling	81.4	BN	662
13	Pilah	66.9	PH	1,079
14	Johol	78.1	BN	2,117
15	Labu	78.6	PN	1,640
16	Paroi	79.7	PN	5,539
17	Chembong	83.8	BN	4,335
18	Rantau	57.8	BN	10,280
19	Kota	88.7	BN	135
20	Bagan Pinang	79.3	PN	3,426
21	Linggi	64.9	BN	1,451
22	Gemas	85.4	PN	3,120
23	Gemencheh	63.2	BN	2,434

Sumber : SPR PRU 15

Jadual 3 adalah Perbandingan Keputusan PRU-14 dan PRN-15 bagi 5 kawasan DUN di Negeri Sembilan. Dapat dilihat bahawa kesemua kawasan tersebut telah dimenangi oleh calon BN/UMNO dan PH pada PRU-14 yang lalu dengan majoriti melebihi 1000 undi kecuali DUN Labu yang menang tipis dengan majoriti sebanyak 882 undi. DUN Paroi dan Gemas telah dimenangi dengan majoriti agak selesa iaitu 4,841 dan 4,772 undi. Sebaliknya pada PRN-15, kesemua DUN ini jatuh kepada parti pembangkang dengan majoriti yang agak besar juga kecuali DUN Serting majoriti sebanyak 843 undi. Jika keputusan PRU-14 dan PRN-15 ini diambil kira, perbezaan sebenar perubahan undi di kawasan DUN terbabit adalah satu jurang yang agak besar dan menggambarkan dinamiknya politik tempatan di Negeri Sembilan yang agak menarik untuk dirungkaikan. Paroi agak terkesan besar dengan kemenangan Yang Dipertua PAS Kawasan Rembau, Hj Kamarol Ridzuan dengan majoriti 5,539 undi menjadikan keseluruhannya berbeza 10,380 undi bagi PRU 14 dan PRU 15. Diikuti dengan DUN Gemas yang berbeza 7,892 undi, DUN Bagan Pinang 5,361 undi, DUN Serting 4,611 undi dan DUN Labu sebanyak 2,522 undi. Lebih agak memeranjatkan dan menjadi perdebatan selain menimbulkan persoalan, DUN yang mempunyai Pengundi Pos dan Pengundi Awal yang agak besar terdiri daripada anggota keselamatan yang selama ini menjadi deposit tetap parti pemerintah telah kalah agak ketara. Begitu juga kawasan DUN yang mempunyai banyak kawasan FELDA seperti Serting yang akhirnya kecundang juga kepada parti pembangkang. Persoalan inilah yang akan cuba dirungkai dan dibincangkan dalam penyelidikan ini dalam pada sub-bab seterusnya.

Jadual 3: Perbandingan Keputusan PRU-14 dan PRN-15 bagi 5 kawasan DUN Kajian di Negeri Sembilan

DUN	Parti Menang PRU 14	Majoriti	Parti Menang PRU 15	Majoriti	Beza 2018/2023
Gemas	UMNO	4,772	BERSATU	3120	7,892
Serting	UMNO	3,768	PAS	843	4,611
Bagan Pinang	UMNO	1,935	PAS	3,426	5,361
Labu	PKR	882	BERSATU	1,640	2,522
Paroi	AMANAH	4,841	PAS	5,539	10,380

Sumber : SPR PRU 14 dan SPR PRU 15

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pola Pengundian Etnik Melayu di Kawasan Kajian pada PRU-15

Secara keseluruhannya, bagi 5 DUN tersebut, PN menguasai 53.94 peratus undi berbanding PH/BN yang hanya mendapat 42.45 peratus. Bebas pula sekadar mendapat 0.74 peratus undi berbanding dengan 5 DUN meskipun PH/BN menguasai semua kerusi Parlimen di Negeri Sembilan dalam PRU-15 yang diadakan lebih awal pada 19 November 2022, namun undi popular etnik Melayu secara keseluruhannya telah memberi sokongan kepada PN di kawasan majoriti Melayu pada PRN-15 Negeri Sembilan. Ini dibuktikan dengan kemenangan bergaya mereka dalam 5 kawasan DUN dan kalah dengan majoriti kecil dalam kawasan DUN Melayu yang lain. Adalah agak memeranjatkan juga apabila terdapat 2,585 undi rosak atau 12.29 peratus di DUN Bagan Pinang berbanding 251 undi rosak di DUN Gemas, 140 undi rosak di

DUN Serting, 159 undi rosak di Labu dan 299 undi rosak di DUN Paroi. Jadual 4 ditunjukkan keputusan PRN-15 DUN kajian mengikut gabungan parti di Negeri Sembilan.

Jadual 4: Keputusan PRN-15 DUN kajian mengikut Gabungan Parti di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Jumlah Keluar Mengundi	PN (%)	PH/BN (%)	Bebas (%)
1	Gemas	20,453	56.97	41.72	nil
2	Serting	19,957	51.67	47.45	nil
3	Bagan Pinang	21,031	51.93	35.64	nil
4	Labu	21,873	53.31	45.81	nil
5	Paroi	43,475	54.84	42.10	2.17
	Jumlah	126,789	53.94	42.45	0.74

Sumber : Ubahsuai SPR PRU15

Pola Pengundian Mengikut Daerah Mengundi

Jadual 5 adalah keputusan PRN-15 DUN kajian mengikut Daerah Mengundi (DM) di Negeri Sembilan. Adalah jelas PN menguasai sebanyak 37 Daerah Mengundi dengan PH/BN menguasai 14 Daerah Mengundi. Satu Daerah Mengundi di DUN Labu bagi Undi Awal di Dewan Acacia, IPD Seremban, calon PN dan calon PH berkongsi kemenangan dengan masing-masing mendapat 7 undi daripada 14 undi. Calon Bebas iaitu Syakir Fitri yang bertanding di kerusi DUN Paroi menggunakan lambang Pokok kalah di semua Daerah Mengundi dan hilang Wang Pertaruhan. Beliau sekadar mendapat 944 undi daripada 43,475 undi. Bagi DUN Gemas, BN yang diwakili oleh calon UMNO iaitu Abd Razak AB Said sekadar menang di Daerah Mengundi Pekan Gemas. Ini mungkin disebabkan terdapatnya sokongan pengundi etnik bukan Melayu yang pada hakikat menyokong PH/BN. Demografi pengundi di kawasan Daerah Mengundi tersebut dikuasai etnik bukan Melayu seramai 52.1 peratus pengundi Cina dan 14 peratus adalah pengundi India. Ini menjadikan pengundi Melayu untuk kawasan Daerah Mengundi Pekan Gemas hanya sekadar 33.9 peratus. Di kawasan Daerah Mengundi lain yang majoritinya pengundi Melayu, kesemuanya kalah termasuk kawasan yang dianggap selamat atau deposit tetap parti pemerintah iaitu Undi Pos dan Undi Awal di Sekolah Kebangsaan Kem Syed Sirajuddin iaitu sebanyak 442 undi dan 1,692 undi.

Bagi DUN Serting, daripada 13 Daerah Mengundi, PH/BN yang diwakili calon UMNO sekadar menang 5 Daerah Mengundi iaitu Daerah Mengundi Lubok Gadong, Daerah Mengundi Mahsan Jaya, Daerah Mengundi Kampong Gaddes, Daerah Mengundi Kampong Gaddes Tengah dan Daerah Mengundi Ladang Sungai Sebaling. Daerah Mengundi daripada Undi Pos dan Undi Awal yang kebanyakannya anggota keselamatan daripada Pulapah juga kalah dengan undi sebanyak 30 dan 31. Mereka secara umumnya menguasai kawasan ini dengan memberikan kemenangan kepada Ustaz Fairus yang merupakan Yang Dipertua PAS Jempol.

Bagi DUN Bagan Pinang, PH/BN yang diwakili calon UMNO iaitu Najib Tan Sri Isa, anak mantan Menteri Besar Negeri Sembilan yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Port Dickson sekadar menguasai 4 Daerah Mengundi daripada 10 Daerah Mengundi sedia ada. Calon Umno sekadar menang sempati di kubu kuat parti pemerintah itu kawasan majoriti pengundi bukan Melayu terutamanya etnik India seperti di Daerah Mengundi Ladang Atherton, Daerah Mengundi Pekan Seliau, Daerah Mengundi Ladang Bradwall dan Daerah Mengundi Sua Betong. Di Daerah Mengundi Telok Kemang walaupun calon UMNO kalah tetapi mereka

menang di salah satu Pusat Mengundi di Sekolah Kebangsaan Telok Kemang dengan majoriti 412 undi dan kalah di Pusat Mengundi di Sekolah Menengah Agama Telok Kemang dengan majoriti 1,044 undi. Ini menjadikan calon UMNO kalah dengan majoriti 632 undi bagi Daerah Telok Kemang. Lebih dahsyat, bagi Undi Pos, calon PN iaitu Ustaz Fatah Zakaria, pesara tentera yang telah menetap 26 tahun di Bandar Tentera Darat, Port Dickson itu berjaya menguasai Undi Pos dan Undi Awal dengan majoriti undi sebanyak 1,185 dan 1,067. Adalah jelas bahawa majoriti anggota keselamatan terutamanya tentera dan keluarga mereka menyokong calon PN dan mengenyepikan tradisi terdahulu yang umumnya menyokong dan mengundi calon kerajaan semasa.

Jadual 5: Keputusan PRN-15 DUN kajian mengikut Daerah Mengundi di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Jumlah Daerah Mengundi	PN	PH/BN	Bebas (%)
1	Gemas	9	8	1	nil
2	Serting	13	8	5	nil
3	Bagan Pinang	10	6	4	nil
4	Labu	8	4	3	nil
5	Paroi	12	10	2	0
	TOTAL:	52	37	14	0

Sumber : Ubahsuai SPR PRU-15

Bagi DUN Labu pula, daripada 8 Daerah Mengundi, PN berjaya menang di 4 Daerah Mengundi dan Seri bagi Undi Awal dengan masing-masing mendapat 7 undi. PN menang di Daerah Mengundi Jijan dengan majoriti undi sebanyak 865, Daerah Mengundi Kampong dengan majoriti undi sebanyak 364, Daerah Mengundi Labu Jaya dengan 549 undi dan Daerah Mengundi Gadong Jaya dengan majoriti undi sebanyak 605. PH pula yang diwakili oleh calon PKR menang Undi Pos dengan majoriti sebanyak 8 undi, Daerah Mengundi Tiroi dengan majoriti sebanyak 499 undi dan Daerah Mengundi Labu dengan majoriti sebanyak 236 undi. Adalah jelas kawasan Daerah Mengundi seperti Tiroi dan Labu mempunyai pengundi etnik Cina dan India yang ramai. Kawasan ini terdapatnya perkampungan Cina dan beberapa Ladang Estate seperti Ladang Kirby, Ladang Labu dan Ladang Coratina yang dihuni oleh etnik India.

Bagi DUN Paroi, bagi 12 Daerah Mengundi sedia ada, calon PH daripada AMANAH sekadar menang di Daerah Mengundi Taman Sri Permata dan Daerah Mengundi Kombok. Kedua-dua ini mempunyai jumlah pengundi daripada etnik bukan Melayu yang agak ramai. Bagi menjelaskan lebih terperinci, perbincangan dilanjutkan kepada pola pengundian mengikut lokasi geografi seperti berikut.

Pola Pengundian Mengikut Lokasi Geografi (taburan etnik)

Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci, Jadual 6 ditunjukkan jumlah komposisi etnik bukan Melayu di kawasan Daerah Mengundi yang dimenangi oleh calon PH/BN bagi 14 kawasan tersebut. Adalah jelas bahawa pola keputusan pengundian bagi kemenangan calon-calon PH/BN di kawasan Daerah Mengundi adalah disokong sepenuhnya oleh kawasan yang majoritinya adalah pengundi bukan Melayu. Kawasan majoriti pengundi Melayu di 37 kawasan Daerah Mengundi bagi 5 DUN kajian ini adalah jelas menolak calon-calon PH/BN dan sebaliknya menyokong calon-calon daripada PN iaitu BERSATU dan PAS.

Jadual 6: Komposisi Etnik Bukan Melayu Daerah Mengundi dimenangi PH/BN pada PRN-15 di Negeri Sembilan

Bil	DUN	Daerah Mengundi(DM)	Etnik Cina %	Etnik India %	Jumlah %
1	Gemas	DM Pekan Gemas	52.1	14.0	66.1
2	Serting	DM Lubok Gadong	66.8	20.5	87.3
		DM Mahsan Jaya	57.2	26.5	83.7
		DM Kampong Gaddes	74.9	17.3	92.2
		DM Kampong Gaddes Tengah	65.4	29.2	94.6
		DM Ladang Sungai Sebaling	10	73.9	83.9
3	Bagan Pinang	DM Ladang Atherton	8.7	85.1	93.8
		DM Pekan Seliau	13.9	74.7	88.6
		DM Ladang Bradwall	23.7	71.8	95.5
		DM Sua Betong	17.2	52.3	69.5
4	Labu	Undi Pos			
		DM Tiroi	26.7	12.8	39.5
		DM Labu	11.2	19.6	30.8
5	Paroi	DM Taman Sri Permata	26.2	68.0	94.2
		DM Kombok	22.2	69.3	91.5

Sumber : Ubahsuai SPR PRU-15

Pola Pengundian secara keseluruhan

Secara keseluruhannya, berlaku perubahan yang agak drastik penguasaan dan tahap sokongan kepada calon PN dalam lima kawasan DUN yang dibincangkan. Peratusan pengundi Melayu yang melebihi 75 peratus dalam setiap kawasan DUN (Serting 79.4 peratus, Labu 78.6 peratus, Paroi 79.7 peratus, Bagan Pinang 79.3 peratus dan Gemas 85.4 peratus) tersebut telah menjustifikasikan bahawa berlaku gerakan penolakan pengundi Melayu kepada calon-calon yang didokong oleh PH atau BN dan sebaliknya telah memberi sokongan di hari pengundian kepada calon-calon pembangkang daripada Perikatan Nasional seperti PAS dan BERSATU. Satu amaran yang jelas telah dipampangkan bahawa politik orang Melayu telah semakin cakna dalam membuat keputusan memilih calon dalam sesuatu pilihan raya di Negeri Sembilan.

Isu dan Faktor Pengundi Melayu menyokong PN di kawasan kajian.

Ada beberapa isu dan faktor yang menyebabkan berlakunya penolakan orang Melayu kepada PH/BN pada PRN-15 Negeri Sembilan yang lalu, khususnya di kawasan DUN yang dimenangi oleh PN. Faktor tersebut adalah faktor dalaman PH/BN dan faktor luaran (PN). Antara faktor dalaman parti PH/BN adalah berlakunya rasa tidak puas hati penyokong dengan nama calon yang telah diumumkan bertanding yang membawa kepada unsur sabotaj, kredibiliti calon yang dipertikaikan, rasa kecewa dengan prestasi dan ketidakpedulian pimpinan dan Kerajaan PH mengambil peduli isu-isu yang membelenggu penduduk seperti Perumahan Generasi Kedua Felda di Pasir Besar Gemas, Isu CF Taman Pinggiran Felda yang berlarutan sejak sekian lama, kesilapan strategi kerana gagal mengharmonikan kawasan yang mempunyai pengundi ramai, rasa tidak puas hati kerana penguasaan keluarga dan unsur kronisme dan nepotisme selain kerjasama yang rapuh antara PH dan BN yang tidak meyakinkan ahli di peringkat akar umbi, kegagalan menguasai undi anak muda dan lebih utama adalah penguasaan PN dalam penggunaan media sosial dalam memberikan naratif semasa tentang politik negara dan negeri

terutama melibatkan isu orang Melayu dan Islam. Bahkan tiadanya ‘signal dan kolaborasi jelas’ antara Menteri Dalam Negeri daripada PH dan Menteri Pertahanan daripada UMNO menyebabkan tradisi undi ‘fixed deposit’ anggota keselamatan kepada parti pemerintah seperti di kawasan DUN Gemas dan Bagan Pinang telah berubah arah.

Penolakan pengundi di DUN Gemas juga berpunca daripada kerjasama yang longgar antara UMNO dan PKR terutama calon yang dikatakan tidak menggunakan sepenuhnya petugas daripada PH iaitu ahli PKR dan ahli AMANAH yang menyebabkan mereka berjauhan. Harus diingat, DUN Gemas terutamanya kawasan FELDA seperti Jelai manakala Kampong Ladang merupakan kawasan tradisi yang menjadi kubu kuat kepada Pakatan Harapan. Di awal Gerakan reformasi, kawasan ini dianggap kubu kuat parti pembangkang seperti PKR dan PAS yang sangat aktif mengadakan pelbagai siri penerangan dan ceramah parti. Begitu juga dengan isu CF Taman Pinggiran FELDA dan perumahan generasi kedua FELDA di Pasir Besar yang terus menghantui penduduk dan pengundi. Kekecewaan ahli parti terutamanya PKR yang merasakan tidak dipedulikan oleh pimpinan di peringkat negeri setelah PH berkuasa juga menjadi sebahagian sebab kepada penolakan sokongan kepada calon kerajaan perpaduan yang diwakili oleh BN/UMNO.

Gemas dan Bagan Pinang merupakan dua DUN yang mempunyai ciri yang agak sama. Di DUN Gemas terletaklah Kem Tentera Syed Sirajuddin Gemas manakala di DUN Bagan Pinang terletaklah pelbagai division tentera darat termasuk Kem Latihan Tentera Darat sehingga Port Dickson dijadikan Bandar Tentera Darat. Dengan kata erti yang lain, kedua-dua kawasan ini mempunyai peratusan Pengundi Pos dan Pengundi Awal yang agak tinggi. Dalam PRN-15 yang lalu DUN Gemas mempunyai seramai 1,267 pengundi Pos dan 2,530 pengundi Awal yang kebanyakannya anggota keselamatan dan ahli keluarga mereka. Agak memeranjatkan kerana dalam PRN tersebut seramai 778 pengundi Pos telah memberi undi kepada calon PN berbanding hanya 336 undi diberikan kepada calon BN. Begitu yang berlaku dengan Undi Awal dengan PN menguasai 2,761 undi berbanding BN sekadar mendapat 1,069 undi daripada keseluruhan Pengundi Awal berjumlah 3,854 orang.

Hal yang sama berlaku di DUN Bagan Pinang. Daripada sejumlah 5,072 undi Pos, sebanyak 1,877 telah memberi sokong kepada PN berbanding hanya 692 undi kepada BN. Begitu juga dengan undi Awal dengan PN menguasai 2,730 berbanding 958 undi kepada calon BN. Terdapat seramai 3,711 Pengundi Awal yang telah diwartakan oleh SPR bagi DUN Bagan Pinang pada PRN-15 ini. Keputusan ini jelas menggambarkan bahawa tiada satu kerjasama yang erat dan jelas ketika itu dengan Menteri Pertahanan di ketuai Mohamad Hasan daripada parti BN/UMNO, Menteri Dalam Negeri diketuai Saifuddin Nasution daripada PH/PKR dengan Anwar Ibrahim selaku PMX kerajaan Perpaduan yang baru terbentuk lapan bulan sebelum PRN di negeri ini dijalankan. Sekiranya trend ini dibiarkan dan proses demokrasi berlaku lebih ‘adil’ di semua kawasan DUN atau Parlimen yang mempunyai majoriti pengundi Pos dan Awal, ini boleh menjadi faktor dan cerminan masa depan dalam menentukan pola keputusan pilihan raya di kawasan DUN/Parlimen berkaitan. Cumanya ianya pasti akan memberikan gambaran tentang peranan dan kesetiaan penjawat awam yang lumrahnya adalah menyokong parti pemerintah walaupun bunyinya setiap pengundi berhak menentukan pilihannya sendiri.

Bagi DUN Bagan Pinang, kelebihan Abdul Fatah calon PN sebagai bekas tentera selain Yang Dipertua PAS Port Dickson telah digunakan sebaiknya dalam meraih undi dari veteran dan anggota. Hasilnya calon PN ini telah mendapat sebanyak 4,606 undi daripada pengundi Pos dan Pengundi Awal berbanding calon BN daripada UMNO sebanyak 1,650 undi. Bahkan kawasan Daerah Mengundi yang majoriti pengundinya adalah orang Melayu dikuasai oleh PN. Keputusan ini jelas menunjukkan ada isu penolakan akibat kecurigaan pengundi Melayu kepada kerjasama dan gabungan kerajaan perpaduan yang terjalin antara PH dan BN. Faktor penyokong PH meragui kejujuran BN/UMNO yang mereka perangi selama ini di sebalik penyokong BN pula meragui dan sangsi dengan penglibatan DAP di dalam gabungan Kerajaan Perpaduan yang mereka anggap puluhan tahun sebagai parti ekstremis Cina yang melampau. Calon BN sekadar menang di kawasan yang majoriti pengundi bukan Melayu seperti Daerah Mengundi Ladang Atherton, Daerah Mengundi Pekan Seliau, Daerah Mengundi Ladang Bradwall, Daerah Mengundi Sua Betong selain Daerah Mengundi Telok Kemang di Sekolah Kebangsaan Telok Kemang. Kawasan-kawasan ini mempunyai pengundi bukan Melayu sebanyak 91.2 peratus, 88.6 peratus, 95.5 peratus, 69.6 peratus dan 34.7 peratus. Sebaliknya pula, Daerah Mengundi Telok Kemang tetapi pusat mengundi di Sekolah Menengah Agama Port Dickson, PN menang dengan majoriti 1,044 memandangkan terdapat lebih 93.4 peratus pengundi Melayu di sini. Jelas, berlaku penolakan orang Melayu kepada calon BN/UMNO akibat kerisauan mereka berdasarkan kepada isu dan faktor yang disebutkan seperti di atas.

Faktor lain yang menghambat kepada keputusan tersebut adalah pengumuman anak mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Seri Utama Isa Samad iaitu Mohd Najib, 44 tahun yang bertanding menjadi calon BN/UMNO di DUN Bagan Pinang. Walaupun Mohd Najib adalah Timbalan Ketua UMNO Bahagian Port Dickson, sejarah bapanya yang kononnya terpalit dan didakwa dengan isu kes penyelewengan dan rasuah yang sedang dibicarakan ketika itu menjadi bualan dan liabiliti kepada pengundi. Apatah lagi isteri Isa Samad sendiri, Puan Sri Bibi Sharliza turut diumumkan sebagai calon UMNO di DUN Juasseh. Ini menambahkan kegusaran pengundi tentang keikhlasan pembabitan semula Isa Samad dalam politik yang dilihat sekadar ingin melepaskan masalah pendakwaan yang berlaku ke atasnya. Faktor PN (PAS/BERSATU) menggunakan sosial media secara besar-besaran menjalankan kampanye dengan menggunakan isu PH ada DAP dan UMNO parti rasuah berjaya mengelabui pengundi terutamanya pengundi Melayu. Ini dikaitkan juga dengan faktor kewangan parti yang banyak mungkin disebabkan mereka pernah menjadi kerajaan sebelumnya di peringkat Persekutuan. Bahkan peranan media ini Berjaya menjadikan naratif pengundi bahawa PN adalah gabungan yang bersih dan boleh menjadi kerajaan yang baik dan Islamik.

Bagi DUN Paroi, berlaku isu kontroversi penyingkiran penyandang kerusi DUN Paroi, YB Dato Mohamad Taufek Abdul Ghani yang tidak dicalonkan semula. Norwani Ahmat, yang merupakan Ketua Wanita AMANAH Negeri Sembilan telah diumumkan sebagai calon dan mendapat bantahan dan ditolak oleh penyokong sehingga mengugut untuk tidak keluar mengundi. Sebagai contohnya, BH Online bertarikh 25 Julai 2023, “Kami mahu Yb Taufek” menjelaskan satu pandangan Ketua Cawangan Amanah Bandar Seremban Selatan, M Kalai Selvan sebagai berkata,

“Kami memang tidak dapat terima Norwani dan sekiranya bukan YB Taufek (penyandang DUN Paroi, Datuk Mohamad Taufek Abdul Ghani) dipilih sebagai calon, saya tidak akan keluar mengundi”

Begitupun, penolakan YB Taufik ini sebagai calon lebih terarah kepada berlakunya masalah 'peperangan dalaman' antara dua kem yang bermusuhan iaitu kem Speaker Dewan Undangan Negeri Sembilan diketuai Datuk Zulkefly Mohamad Omar (mantan Pengerusi AMANAH Negeri) dan Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan yang baru iaitu Datuk MK Ibrahim Abd Rahman. YB Taufek dikatakan penyokong tegar kepada Datuk Speaker manakala Noraini Ahmat adalah penyokong kepada Pengerusi AMANAH Negeri yang baru. Akibatnya calon AMANAH tidak mendapat sokongan yang padu di DUN Paroi ditambah adanya tuduhan bahawa calon Bebas ditaja oleh YB Taufek memandangkan calon Bebas tersebut merupakan bekas Pengawai Penyelidik dan Tugas Khas kepada ADUN Paroi. Dalam masa yang sama, isu yang berbangkit mengenai penjaja dan peniaga Melayu di kawasan DUN Paroi sebelum ini yang tidak disantuni dengan baik oleh ADUN AMANAH dan kerajaan telah menimbulkan rasa kurang senang dan rasa terkilan mereka. Ini berlaku terutamanya ketika waktu pasca pandemik COVID-19 dan ketika banyak gerai-gerai ahli penjaja dan perniagaan telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa tempatan yang kononnya berniaga tidak ditempat yang telah diarahkan selain tidak menjaga kebersihan dan mengganggu lalu lintas. Ini menimbulkan kemarahan pengundi di DUN Paroi memandangkan majoriti yang berniaga tersebut adalah kumpulan pertengahan dan mempunyai komitmen harian yang tinggi untuk kehidupan selain faktor tekanan kehidupan dan barangan yang meningkat naik. Selain itu, faktor jumlah penduduk DUN Paroi yang berjumlah 109,135 orang mengikut Statistik maklumat asas (SLA) 2020 dengan pengundi tertinggi di Negeri Sembilan iaitu seramai 60,704 orang tidak dapat dicakna dengan sebaiknya oleh YB ADUN dan Kerajaan PH Negeri Sembilan, yang membawa kepada tumbangannya mereka di DUN Paroi dengan majoriti yang agak besar.

Bagi DUN Serting antara faktor penolakan pengundi Melayu kepada BN/UMNO adalah disebabkan oleh keresahan pengundi Melayu terutamanya penduduk FELDA yang masih terkesan dengan kos saraan dan barangan yang tinggi. Harga buah sawit yang tidak tetap terus menghantui peneroka FELDA dan ini diambil peluang sepenuhnya oleh PN yang menggunakan sosial media dan 'pusat membawang' seperti gerai dan kedai kopi untuk mempengaruhi pengundi. Hal ini dengan cepat berjaya tersebar dengan pantas dan berkesan. Adalah jelas berlaku penolakan pengundi kaum Melayu kepada UMNO dan PH, undi protes serta undi yang berpecah. Pada PRN-15 ini, calon BN/UMNO sekadar memperolehi 9,469 undi merosot daripada 9,782 yang diperoleh parti itu pada PRU-14 walaupun berlaku peningkatan jumlah pengundi berdaftar daripada 21,146 kepada 30,287 pengundi. Faktor kekecewaan orang Melayu terhadap langkah UMNO BN bersekongkol dengan PH-DAP sebagai satu sebab prestasi BN merosot. Sebaliknya pula kekecewaan pengundi PH terhadap parti mereka yang bekerjasama dengan BN menjadi faktor kemerosotan undi PH. Faktor calon PN daripada PAS iaitu Ustaz Mohd Fairuz Mohd Isa yang juga Yang Dipertua PAS Kawasan Jempol selain kerjasama erat daripada Parti Gerakan Bahagian Jempol yang diketuai Dato Puar Er Cheng yang giat turun padang berkempen. Ini sedikit sebanyak berjaya mempengaruhi pengundi daripada masyarakat Cina dan India. Gerak kerja Kebajikan melalui Lajnah Kebajikan dan kemasyarakatan (LKK) diketua Ketua Muslimat PAS Jempol, Habibah Tumin dan kempen berterusan Wanita Gerakan Jempol diketuai Jemilah Baputty telah berjaya menembusi dan memudahkan komunikasi yang melibatkan pelbagai kaum khususnya pengundi Cina dan India.

Bagi DUN Labu pula terdapat beberapa faktor kekalahan calon PH/PMR kepada calon PN/Bersatu yang telah diramalkan banyak pihak. Petanda awal telah mula dirasakan apabila keputusan Parlimen Rasah bagi DUN Labu menunjukkan calon PH kalah tipis. Pertamanya

berlakunya kesilapan strategi PH/PKR yang hanya tertumpu di Daerah Mengundi yang tidak padat pengundi. Program-program anak muda sekadar tertumpu di kawasan Daerah Mengundi seperti Labu dan Tiroi, walhal Daerah Mengundi Jijan yang padat dengan pengundi dan mempunyai 43 peratus undi keseluruhan DUN Labu kurang diambil perhatian. Bahkan kawasan DM Jijan ini yang terletaknya Bandar Esteks adalah kawasan pengundi golongan pertengahan dan berpendidikan. Umum diketahui bahawa kawasan ini adalah kawasan yang mempunyai pengundi PN terutamanya PAS. Kalau di DM Labu dan Tiroi terdapat sekitar 300 ke 400 pengundi muda, di Esteks misalnya terdapat lebih daripada 3,000 pengundi anak muda. Berbanding PRU-14, PRN-15 menyaksikan Daerah Mengundi Jijan telah mempunyai jumlah pengundi 43 peratus pengundi daripada jumlah pengundi sebanyak hampir 30000. Ditambah dengan kumpulan pengundi adalah daripada kalangan golongan M40 dan ke atas.

Faktor kedua yang menjadi isu besar adalah berlaku penolakan ke atas calon yang dimomokkan dengan kronisme anak beranak dan isteri. Dalam banyak hal dan urusan, seolahnya anak dan isteri 'lebih sudu dari kuah' yang menyebabkan kalangan akar umbi dan pengundi merasa tidak selesa dan diketepikan. Dalam sudut yang lain, peranan isteri beliau dilihat seperti 'queen control'. Akhirnya tanpa disedari berlakunya gerakan penolakan 'asalkan bukan calon sedia ada' walaupun di satu sudut calon PH sangat dikenali dan agak senonim dengan program-program keagamaan terutamanya di masjid dan surau.

Faktor ketiga adalah PH terlalu yakin boleh menang besar berdasarkan keputusan PRU-14 dan sekiranya digabungkan dengan sokongan daripada rakan kerjasama BN dan UMNO, kemenangan lebih besar akan diperoleh. Pada PRU-14, calon PH telah menang dengan 6,712 undi manakala calon UMNO mendapat 5,830 undi berbanding calon pembangkang daripada PAS ketika itu memperoleh 2,093 undi. Keyakinan ini menyebabkan Calon PH tidak memberi penekanan kepada pengundi atas pagar dan anak muda. Bahkan lebih memburukkan keadaan, membiarkan kawasan Daerah Mengundi tertentu untuk diuruskan oleh rakan kerjasama iaitu UMNO bagi berkempen dan mendekati pengundi.

Faktor seterusnya adalah berlaku sabotaj dari akar umbi UMNO yang masih merasakan bahawa Labu sepatutnya diwakili oleh calon UMNO memandangkan DUN Labu sebagai satu-satunya kawasan DUN Melayu selain empat lagi DUN yang diwakili oleh calon DAP dalam Parlimen Rasah. Akibatnya ada daripada kalangan akar umbi UMNO yang menyokong calon pembangkang PN sebagai bantahan senyap selain masih sangsi dengan gabungan Kerajaan Perpaduan iaitu DAP masih dianggap musuh orang Melayu dan UMNO. Naratif orang Melayu khususnya akar umbi UMNO yang sekian lama terpahat, DAP adalah anti kepada Ketuanan Melayu, selalu mencabar, mempertikai dan membangkitkan isu-isu terkait Islam dan hak raja-raja. Di DUN Labu pada PRN-15, terdapat pengundi Melayu yang agak berumur dan terdedah dengan isu serta pengalaman dengan DAP termasuk tragedi Rusuhan 13 Mei 1969. Lebih dari itu, DUN Labu, satu-satunya kawasan pinggir bandar dalam Parlimen Rasah yang dikuasai oleh orang Melayu dengan DUN lain dimonopoli oleh wakil DAP sebelum ini. Ini jelas jika dilihat kubu kuat UMNO di kawasan Daerah Mengundi Kampong Kondok, calon PN menang selesa dengan mendapat 1,024 berbanding dengan calon PH sekadar mendapat 660 undi. Ini menjadikan calon PN, Anip Abu Bakar menang dengan majoriti undi sebanyak 364 undi. Begitu juga kawasan Daerah Mengundi seperti Labu Jaya dan Kampong Gadong Jaya, kawasan yang mempunyai akar umbi dan penyokong UMNO yang ramai juga kalah kepada calon PN dengan majoriti undi sebanyak 549 dan 605.

Faktor lain adalah berlakunya sabotaj daripada kalangan tertentu dalam PH terutamanya PKR sendiri yang menjadi ‘duri dalam lipatan’ selain kesilapan meletakkan Pengarah Pilihan Raya daripada kalangan individu yang tidak berpengaruh dan kurang berpengalaman. Umum diketahui bahawa calon parti sebelum ini adalah sebahagian watak yang pernah terlibat dengan satu sidang media pada 6 September, 2021 seperti yang disiarkan oleh malaysiakini bertajuk, ‘Akar umbi PKR Negeri Sembilan hilang kepercayaan terhadap MB’. Perlibatan dan pencalonan semula calon PH DUN Labu ini telah mencetuskan rasa tidak puas hati dan dendam yang berlarutan di kalangan akar umbi dan pendokong tegar Menteri Besar, Aminuddin Harun. Akibatnya langkah dan gerak kerja di DUN Labu pincang kerana tidak mendapat sokongan padu ditambah faktor kepimpinan Pengarah Pilihan Raya DUN yang kurang berpengalaman. Dalam banyak waktu, Bilik Gerakan Utama PH di Pekan Labu tidak berfungsi terutamanya di waktu malam hari sepanjang waktu berkempen. Dalam masa yang sama, kesetiaan penyokong-penyokong PN terutamanya petugas-petugas daripada kalangan ahli dan penyokong PAS telah mengangkat calon PN daripada BERSATU lebih terkehadapan terutamanya dengan berkempen melalui media sosial dan Tik Tok.

Kesimpulan

Dapat dirumuskan bahawa PRN-15 di Negeri Sembilan telah memberikan satu petanda yang besar tentang penolakan pengundi Melayu di kebanyakan kawasan DUN majoriti Melayu. Klimaknya dibuktikan dengan kemenangan lima DUN seperti dibincangkan sebelum ini. Adalah jelas penolakan tersebut berpusat kepada naratif dan rasa gusar orang Melayu dengan julung kalinya kerjasama politik PH dan BN dalam kerajaan Persekutuan yang asasnya adalah saranan dan nasihat Yang diPertuan Agong ke-17 bagi membentuk Kerajaan Perpaduan. Isu dan faktor yang menyelubungi calon tunggangan kerajaan di DUN kajian juga sebagai pemangkin kekalahan mereka. Kajian mengenai perubahan pengundian ini sudah pasti memberikan impak yang tersendiri mengenai perubahan yang berlaku di Negeri Sembilan walaupun tidak memberi kesan kepada perubahan Kerajaan Negeri yang masih ditadbir oleh gabungan PH dan BN mengikut acuan yang telah dimulakan di peringkat Persekutuan selepas PRU-15 yang berlangsung pada 19 November 2022. Secara keseluruhannya, kajian tentang keputusan pengundian di kawasan DUN kajian adalah penting bagi memahami lebih terperinci tentang dinamik politik tempatan di Negeri Sembilan. Dengan mendalami serta memahami mengenai isu dan faktor yang berlaku, langkah ke hadapan boleh diambil bagi merancang dengan lebih strategik usaha memperkasakan proses pilihan raya dalam mewujudkan institusi demokrasi yang bersandarkan kepada kehendak dan pilihan rakyat di Negeri Sembilan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Sekretariat Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini. Beberapa penemuan dalam artikel ini sebahagiannya berdasarkan tesis Doktor Falsafah pengarang pertama.

Rujukan

- BH Online. (2023). Kami mahu Yb Taufik. 2021. <http://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131418/kami-mahu-yb-taufik>. 25 July.
- Evans, J, Arzheimer, K, Campbell, R & Cowley, P. (2017). Candidate localness and voter choice in the 2015 General Election in England. *Political Geography*, 59, 61-71.

- Ismail Sualman. (2021). The Role of Social Media on Political Voting Behaviour in 14th General Election. In Ismail Sualman, Fariza Hanis Abdul Razak & Nuurrianti Jalli. *Media, Politics and Democracy in the 14th Malaysian General Election*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Junaidi Awang Besar. (2021). Pengenalan. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 1-42. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Junaidi Awang Besar. (2022). Faktor Sokongan Pengundi Kaum Melayu kepada Perikatan Nasional dalam Pilihan Raya Umum ke15, 2022. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 436-445.
- Junaidi Awang Besar. (2023). PRU-15: Tiadanya parti politik yang menang majoriti mudah 112 kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 97-121.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018). Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Amer Saifude Ghazali, Mazlan Ali, Nur Azuki Yusuff, Nasir Nayan & Siti Noranizahhafizah Boyman. (2020). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 2018 di Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 128-144.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar & Mokhtar Ahmad. (2020). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 206-220.
- Junaidi Awang Besar, Zaini Othman, Novel Lyndon & Aajirah Hanim Abdul Halim. (2023). Pilihan Raya Umum (PRU) Negeri di Malaysia 2023: Satu analisis Geografikal dan Sosiologikal 2023). *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 22-37.
- Malaysiakini. (2021). Akar umbi PKR N Sembilan hilang kepercayaan terhadap MB. <https://m.malaysiakini.com/new/590114>. 6 September.
- Malike Brahim & Abdul Salim Tajudin. (2022). *Politik Melayu: Penentu Kelangsungan Kuasa Barisan Nasional*. Petaling Jaya: Read Resources.
- Meesuwan, S. (2016). The effect of Internet use on political participation: Could the Internet increase political participation in Thailand? *International Journal of Asia Pacific Studies*, 12(2), 57-82.
- Mohd Azhar Abd Hamid & Kassim Thukiman. (2022). Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional. BHarian Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agenda-perpaduan-nasional>. 23 November
- Mohd Mahadee Ismail, Zatul Himmah Adnan & Mohd Sobhi Ishak (2023). Kecenderungan Pengundi Baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2)(2023), 224-240
- Mohd Noor Yazid. (2023). Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-15. *Dewan Masyarakat*. 02/Februari. Jilid 60.

- Mokhtar Ahmad & Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9(36), 37-52.
- Mokhtar Ahmad, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Jali. (2024). Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan Kemunculan Politik Baharu. *Akademika*, 94(3), 204-233.
- Norazlan Hadi Yaacob. (2022). Gerakan Islam dan demokrasi di Malaysia 1982-2018: Persaingan dan kerjasama. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman & Abu Hanifah Haris (Editor). *Budiman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nur Ellyanis Mohd Basori, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2022). Jati diri dan pola pengundian belia Melayu dalam PRU 14. Dlm. Azlina Abdullah, Nur Hafizah Yusoff & Mohd Fuad Mat Jali. *Pemeriksaan Belia dan Wanita*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosmadi Fauzi, Mohd Muslim Said & Muhammad Fathi Marzuki. (2019). Cabaran Hala Tuju Politik Malaysia Pasca PRU Ke-14. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Siti Sarah Syazwani Mizul & Junaidi Awang Besar. (2024). Dinamika Politik Pilihan Raya Di Kawasan DUN Paroi, Rembau, Negeri Sembilan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(3), 1-13.